



## AGENDA BAHASA

# Bahasa Istana dalam Undang-undang Bertulis

Oleh WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN

**B**ahasa istana merupakan khazanah warisan budaya Melayu yang amat berharga. Bahasa istana juga menggambarkan kehalusan adab, tertib dan tadbir urus dalam pemerintahan tradisional Melayu.

Lazimnya bahasa istana pada hari ini merujuk perkataan tertentu yang digunakan apabila berbahasa dengan seorang raja dan kerabat diraja. Bahasa tersebut bukan sahaja digunakan dalam kalangan kerabat diraja, bahkan digunakan oleh rakyat apabila menghadap seorang raja dan sebagai kata ganti diri pihak ketiga ketika berkomunikasi.

Ungkapan popular, "Bahasa Jiwa Bangsa" mempunyai falsafahnya tersendiri yang menyimpulkan banyak panduan dan iktibar dalam pengenalan, amalan, adab, budaya serta jati diri kumpulan etnik mahupun bangsa berdaulat. Bahasa istana yang digunakan sejak ratusan tahun, mungkin ribuan tahun dahulu hingga kini masih diamalkan walaupun tidak kesemuanya dan ada juga sudut perbezaannya. Bahasa istana begitu unik kerana perkataannya digunakan bukan sahaja untuk memuliakan institusi beraja sebagai kumpulan pemerintah bahkan berbentuk pendidikan dalam masyarakat tempatan. Masyarakat secara tidak langsung menghormati undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh institusi beraja hasil pendidikan melalui bahasa ini.

Bahasa istana tidak dapat dipisahkan dengan adat Melayu. Menurut WAFW Husain (2018: 29-30), "Adat Melayu ialah apa-apa yang ditakrifkan sebagai adab budaya dan undang-undang pada hari ini selain daripada hukum hakam seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan al-Sunah; merangkumi sistem, peraturan, etos dan nilai yang tidak bercanggah dengan prinsip perundangan Islam seperti yang diwarisi daripada amalan masyarakat dan Kerajaan Melayu pada masa silam".